

**Kembalikan kecemerlangan industri automatif
Utusan Online
December 14, 2011**

KUALA LUMPUR 13 Dis. - DRB-Hicom Bhd. (DRB-Hicom) menaruh harapan agar Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) menerima syarikat itu sebagai calon yang sesuai untuk digandingkan dengan Proton Holdings Bhd. (Proton) kerana kehadiran pengeluar kereta nasional itu akan menjana sinergi yang gah dan memapankannya di peringkat serantau.

Bagaimanapun, buat masa ini, DRB-Hicom tidak mengetahui atau diberitahu sebarang perkembangan berkaitan hasrat Khazanah untuk melupuskan pegangan mereka dalam Proton.

Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Seri Mohd. Khamil Jamil yakin keupayaan syarikat itu untuk membantu Malaysia mengembalikannya sebagai peneraju utama dalam industri automatif di rantau ASEAN melalui penguasaan kepentingan di dalam Proton.

Menurut beliau, matlamat itu boleh dicapai sekiranya mempunyai pendekatan dan model perniagaan yang betul.

"Saya percaya sekiranya industri automatif negara dapat dibangun dan dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan semasa, Proton juga akan menikmati banyak kelebihannya.

"Sebagai sebuah syarikat berpandukan prinsip keusahawanan, DRB-Hicom sentiasa bersikap terbuka kepada apa jua peluang perniagaan termasuk bagaimana untuk meluas dan membangunkan industri automatif negara, termasuklah mengambil alih Proton," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd Khamil Jamil berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Tun Mahathir Mohamad bahawa Khazanah berhasrat untuk melupuskan pegangan Proton kepada DRB-Hicom.

Tambah beliau, rantau ASEAN sekarang merupakan salah satu pemangkin utama dalam industri automatif dengan penduduknya yang berjumlah melebihi 500 juta.

Berikutan itu, katanya, Malaysia sebagai sebuah negara yang dahulunya menjadi peneraju industri automatif di kalangan negara ASEAN boleh menguasai pasaran yang terbuka luas ini sekali lagi dengan mempunyai strategi dan hala tuju yang khusus.

"Berdasarkan pengalaman DRB-Hicom dalam urus-niaga dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa, kami yakin dapat menawarkan jawapannya," ujar beliau.

Mohd Khamil menjelaskan kerjasama pintar dari segi teknologi, perkongsian pengalaman dan peluang perniagaan adalah satu usaha yang diamalkan oleh kebanyakan syarikat-syarikat antarabangsa.

Usaha itu, katanya, akan terus dipergiatkan supaya industri automatif negara sentiasa berdaya saing.

Tegasnya, pembabitan dan penjualan ekuiti kepada pihak luaran tidak timbul langsung dalam isu itu.

Mohd Khamil juga berkata, model perniagaan yang tepat dan bersesuaian serta penglibatan dalam keseluruhan nilai rantai industri automotif merupakan aspek penting untuk membolehkan DRB-Hicom dan Proton bergerak ke hadapan dengan lebih pantas untuk menguasai pasaran.

Seterusnya, tambah beliau, tambah nilai rantai industri automotif tersebut juga akan memberi faedah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam industri automotif tempatan kerana prestasi hasil keluaran serta perniagaan mereka akan turut berkembang.

Mohd. Khamil berkata, prinsip kualiti, kos dan penghantaran yang menjadi amalan DRB-Hicom sejak enam tahun lalu menjadi bukti kepada kejayaan kepada syarikat-syarikat di bawah naungan DRB-Hicom.

Ini adalah penting untuk memastikan vendor-vendor tempatan dapat menghasilkan komponen-komponen berkualiti, seterusnya mampu bersaing di peringkat antarabangsa, katanya.

Selain itu, pasaran dan perancangan produk juga adalah strategi penting.

"Kita tidak boleh menjadi juara dengan hanya menyaingi produk demi produk syarikat besar, sebaliknya, kita perlu melihat kepada pasaran serta peluang berkerjasama dengan mereka.

"Penyelidikan dan pembangunan kereta hibrid dan kenderaan elektrik sepatutnya menjadi keutamaan kerana ia akan memantapkan Proton sebagai produk kebanggaan seluruh rakyat Malaysia yang juga merupakan satu jenama yang berdaya saing serta berpandangan ke hadapan", ujar Mohd Khamil.

Beliau menyatakan DRB-Hicom memerlukan masa untuk merealisasikannya, tetapi dengan modal insan dan bakat berketerampilan, serta strategi yang betul, syarikat itu mampu melakukannya, seandainya diberikan mandat tersebut.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1214&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm